



28 Januari 2016  
28 January 2016  
P.U. (A) 14

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN  
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2016

*DEVELOPMENT FINANCIAL INSTITUTIONS  
(AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN 2002

PERINTAH INSTITUSI KEWANGAN PEMBANGUNAN  
(PINDAAN JADUAL PERTAMA) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 124 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [Akta 618], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Institusi Kewangan Pembangunan (Pindaan Jadual Pertama) 2016.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2016.

**Pindaan Jadual Pertama**

2. Jadual Pertama kepada Akta dipinda—

(a) dalam tajuk, dengan menggantikan perkataan “[Subseksyen 6(2)]” dengan perkataan “[Subseksyen 6(2) dan (3), seksyen 6A dan subseksyen 8(1) dan (2)];” dan

(b) dalam perenggan 1—

(i) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah**” dengan perkataan “**Pengerusi, pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan**;”

(ii) dalam subperenggan (1)—

(A) dengan menggantikan perkataan “Menurut subseksyen 6(2) Akta ini, sesuatu institusi yang ditetapkan,” dengan perkataan “Sesuatu institusi yang ditetapkan dan Bank;”

- (B) dengan menggantikan perkataan “akan memegang” dengan perkataan “terus memegang”;
  - (C) dengan menggantikan perkataan “Ketua Pegawai Eksekutif atau pengarah” dengan perkataan “pengerusi, pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai kanan”;
  - (D) dalam subsubperenggan *(a)*, dengan menggantikan perkataan “kejujuran,” dengan perkataan “kejujurannya, reputasinya,”;
  - (E) dalam subsubperenggan *(b)*, dengan memotong perkataan “dan”;
  - (F) dalam subsubperenggan *(c)*, dengan menggantikan perkataan “jawatan itu.” dengan perkataan “pemegangan jawatan itu olehnya; dan”;
  - (G) dengan memasukkan selepas subsubperenggan *(c)* subsubperenggan yang berikut:

“(d) integriti kewangannya.”; dan
- (iii) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang berikut:
- “(1A) Tanpa menjaskan keluasan subperenggan (1), bagi maksud menentukan sama ada orang itu adalah “layak dan sesuai”, institusi yang ditetapkan itu dan Bank hendaklah mengambil kira yang berikut:

- (a) bahawa kejujuran dan reputasi adalah nilai yang boleh ditunjukkan melalui kualiti peribadi seperti sifat jujur, integriti, amanah, ketekunan,